

**Impak Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dari Aspek Kesihatan dan Hubungan Sosial Terhadap Golongan Berpendapatan Rendah Berstatus B40 di Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah**

**ABSTRACT**

Golongan berpendapatan rendah lebih mudah terancam dengan gelombang pandemik COVID-19 berbanding golongan berpendapatan tinggi. Salah satu situasi yang menggambarkan hal ini adalah semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan. Dalam tempoh tersebut, berlakunya ketidakstabilan ekonomi golongan berpendapatan rendah (B40). Hal ini demikian kerana, selain menyumbang kepada masalah pengangguran, pelaksanaan PKP juga menyebabkan berlakunya pengurangan terhadap jumlah pendapatan bulanan. Keadaan ini menggambarkan bahawa pelaksanaan PKP mendatangkan impak yang negatif kepada golongan berpendapatan rendah khususnya dari sudut ekonomi. Walau bagaimanapun, impak PKP tidak harus dipandang dari sudut ekonomi semata-mata, sebaliknya haruslah dilihat dalam aspek yang lebih luas. Rentetan daripada itu, kajian ini ingin mengenal pasti impak pelaksanaan PKP dari aspek kesihatan dan sosial golongan B40 di Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti hubungan angkubah jenis sektor pekerjaan golongan B40 dengan persetujuan terhadap pelaksanaan PKP. Kajian ini menggunakan kaedah survei dalam proses pengutipan data di lapangan. Teknik Analisis Komponen Utama, Ujian Khi Kuasa Dua dan Analisis Tabulasi Silang pula digunakan untuk menganalisis data mentah yang telah diperolehi. Analisis kajian ini mendapati terdapat tiga impak utama pelaksanaan PKP daripada aspek kesihatan dan hubungan sosial, iaitu peningkatan keselamatan dan jalinan kekeluargaan, keharmonian masyarakat dan ketenangan jiwa serta peningkatan kesihatan.